



E-BULETIN ACIS

MENGGAPAI ANGKASA, MEREALISASI CITA-CITA

Kembali selepas daripada naskhah terakhir, E-Buletin ACIS edisi keempat MAC 2024 menampilkan tema 'menggapai angkasa, merealisasi cita cita'. Selari dengan matlamat mendokong wawasan UiTM ke arah *Globally Renowned University* menjelang 2025, ACIS komited dalam meningkatkan *visibility* fakulti ke persada antarabangsa. Beberapa siri projek memperkukuh hubungan baik bersama organisasi di peringkat antarabangsa telah dijalankan antaranya bersama kedutaan Arab Saudi, Qatar, Jordan, Kuwait dan rakan strategik sekitar Thailand, Indonesia, Brunei dan Jepun. Edisi kali ini juga merangkumkan dua tahun pentadbiran YBhg. Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani sebagai dekan ACIS.

MENARIK EDISI KEEMPAT:

MISI PENGANTARABANGSAAN ACIS:
ARAB SAUDI, QATAR, JORDAN, KUWAIT, IRAQ,
JEPUN, INDONESIA, BRUNEI & THAILAND

SEMINAR ANTARABANGSA
ICIS, ISPS & IPCIS

MEMPERKASA
ENTITI
KECEMERLANGAN

MOU &
MOA

ACIS &
KOMUNITI



PERTANDINGAN AKHIR IKON MUADDIB 2.0



[7 Julai 2023]

Pertandingan Akhir dan Majlis Perasmian Penutup Ikon Muaddib 2.0 Kolaborasi di antara ACIS, Fakulti Pendidikan UiTM Cawangan Selangor, Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Melaka dan UiTM Cawangan Pahang dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM & Bahagian Zakat, Wakaf & Sedekah (ZAWAF UiTM) telah menyaksikan Pertandingan Akhir dan Majlis Penutup Ikon Muaddib 2.0 di Business Theatre A, Kompleks Al-Farabi, UiTM Shah Alam.

Program yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar khusus dalam pengucapan awam berorientasikan dakwah ini telah disertai oleh 62 orang mahasiswa dan mahasiswi UiTM daripada pelbagai fakulti, cawangan dan akademi. Dibimbing oleh 14 orang murabbi, Ikon Muaddib 2.0 sampai ke kemuncak apabila 8 orang finalis telah dipilih untuk membuat persembahan akhir.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Naib Canselor UiTM; Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor. Johan telah dimenangi oleh saudara Muhammad Khairul Rasyid Yahya (ACIS), Naib Johan oleh saudara Akmal Hasif Mohamad Sukri (ACIS) dan tempat ketiga oleh saudari Izzatul Afnan Syaef Fahmi (FSG).



اُنِيُوْزْ سَيِّتِيْ تَاكُوْ لُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



<https://acis.uitm.edu.my>



korporatacis@uitm.edu.my



+603- 5544 2650



[acis.uitm](#) 



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.